

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	13 JUNE 2017

## Jangan sesekali terjebak tular cerita negatif - PM

um-13/6/2017 pg. 3

**KUALA LUMPUR 12 Jun** - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak mengingatkan rakan-rakan media sosial tentang peranan mereka menyebarkan berita-berita positif mengenai negara dan jangan sesekali terjebak dalam penularan cerita-cerita negatif.

Kata beliau, tanggungjawab sebagai pengguna media sosial besar kerana mampu mempengaruhi masyarakat maka mereka perlu menggunakan pengaruh tersebut untuk membantu menyemai semangat cintakan negara.

"Saya berharap akan ada lebih ramai pengguna media sosial seperti Dr. Abdul Rahman Abdul Kadir yang telah memilih untuk mengingatkan masyarakat berkenaan usaha-usaha dan polisi-polisi kerajaan.

"Perkongsian Abdul Rahman mengenai caj perkhidmatan penjagaan kesihatan yang masih tidak berubah sejak berpuluh-tahun dahulu telah menjadi viral di laman sosial tersebut.

"Insya-Allah jika semua memainkan peranan dan tanggungjawab, saya yakin kita akan berjaya lahirkan sebuah masyarakat yang positif dan saling menyayangi," katanya dalam catatan terbaharu di blognya, *najibrazak.com* di sini hari ini.

Najib turut berkongsi beberapa keping gambar kehadiran bersama isteri, Datin Seri Rosmah Mansor dalam Majlis #MariBerjumaRamadan bersama rakan-rakan media sosialnya di laman sosial Facebook dan Twitter beliau.



**NAJIB TUN RAZAK** bersama rakan-rakan media sosial dan kanak-kanak Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih sama majlis berbuka puasa #MariBerjumaRamadan di Kuala Lumpur, semalam.

Antara yang hadir dalam program tersebut, pengacara televisyen Datuk Aznil Haji Nawawi;

selebriti media sosial Wak Doyok; pereka fesyen, Fuzana Mokhtaza; pengasas Kilang Bateri

di Johor, Johan Ropi dan aktivis masyarakat, Kuan Chee Heng. Pada majlis yang sama, Na-

jib dan isteri turut meraikan 60 kanak-kanak dari Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih (SBJK).